

# **CORPUS SEPARATUM: KAJIAN ANALITIKAL RESOLUSI PBB 1947 UNTUK MENJADIKAN BAYT AL-MAQDIS SEBAGAI ZON ANTARABANGSA**

Oleh:

Mohd Roslan b. Mohd Nor \*

## **Abstract**

*Islamic Jerusalem, which is known in Arabic as Bayt al-Maqdis, beyond doubt is very significant to Islam and Muslim. Islamic History has shown that one of the important events took place in Bayt al-Maqdis was the Night Journey of Prophet Muhammad s.a.w. However, since the early 20th century, the land experiences chaos, instability and flux because of the Israel's intervention over it. The Leagues of Nations (LN), later on known as United Nations (UN), has made efforts to find the best solution to the conflict between Israel and the original inhabitants of Jerusalem. This paper attempts to explore thoroughly one of the suggested solutions within Resolution 181 (II) with special emphasis on 'corpus separatum', which had been passed by UN on 29 November 1947.*

## **PENDAHULUAN**

Masalah yang berlaku di *Bayt al-Maqdis* dan Palestin sering mendapat tumpuan umat Islam seluruh dunia. Perebutan hak berlaku di sana, dan yang menyedihkan ia turut melibatkan kota suci umat Islam iaitu *Bayt al-Maqdis*. Konflik yang berlaku jelasnya ialah antara Yahudi dan Islam. Golongan Yahudi percaya bahawa *Bayt al-Maqdis* merupakan hak mereka berdasarkan catatan sejarah, sebelum kerajaan Rom memerintah Palestin.<sup>1</sup> Pada abad ke 20M, bermula gerakan era baru golongan Yahudi untuk menawan kota bersejarah ini. Mereka berjaya merampas

---

\* Mohd Roslan Mohd Nor, M.A. Calon Ph.D di Al-Maktoum Institute for Arabic and Islamic Studies, University of Abertay Dundee, United Kingdom.

<sup>1</sup> Michael Prior (1999), *Zionism and the State of Israel*. London: Routledge, h. 51-58.

keseluruhannya pada tahun 1967,<sup>2</sup> walaupun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan *Bayt al-Maqdis* sebagai zon *corpus separatum* pada hampir dua dekad sebelumnya. Konflik yang berlaku di Palestin telah menjadi topik perbincangan sama ada di dalam Perhimpunan Agung PBB, Persidangan Majlis Keselamatan PBB, juga oleh badan-badan penting PBB yang lain. Tulisan ini bertujuan untuk menyingkap usaha PBB mewujudkan zon *corpus separatum* seperti yang termaktub di dalam resolusi 181 (II) berkenaan plan pemisahan (*partition plan*) bertarikh 29 November 1947,<sup>3</sup> dan akan disertai dengan beberapa analisis kritis.

### MAKSUD *CORPUS SEPARATUM*

Antara usaha PBB untuk meredakan ketegangan yang berlaku di Jerusalem ialah mewujudkan zon *corpus separatum* bagi *Bayt al-Maqdis*. Ia bermaksud zon antarabangsa yang ditadbir oleh PBB atau mana-mana pentadbir yang dilantik oleh PBB.<sup>4</sup> Dalam hal ini, British telah diberikan mandat untuk mentadbir Palestin.<sup>5</sup>

Dari sudut sejarah, Pasukan Khas PBB pernah mengambil alih pentadbiran bagi seluruh Palestin daripada kerajaan British. Ini berlaku pada bulan Mei 1948, setelah British menyatakan ketidakanggapan mereka pada tahun 1947 untuk meneruskan mandat yang diberi oleh Liga Bangsa-bangsa (*League of Nations*) sebelumnya. Kerajaan British telah memaklumkan kepada PBB hasrat melepaskan Palestin pada bulan Disember 1947, dan akan berkuatkuasa pada 15 Mei 1948. British pada

---

<sup>2</sup> Jerusalem dikuasai sepenuhnya oleh Israel semasa 'Perang Enam Hari' (*Six Days War*) pada bulan Jun 1967. Lihat Michael Prior, *op.cit.*, h. 33-35; Henry Cattan (2000), *The Palestine Question*. London: Saqi Books, h. 100-110; Henry Cattan (2000), *Jerusalem*. London: Saqi Book, h. 20.

<sup>3</sup> Lihat Mahmoud Awad (1995), *Jerusalem in the United Nations Resolutions 1947-1995*. Amman: The Royal Committee for Jerusalem Affairs, h. 7; Michael C. Hudson, "The Transformation of Jerusalem 1917-1987AD" dalam K.J. Asali (ed.) (1990), *Jerusalem in History*. UK: Olive Branch Press, h. 257.

<sup>4</sup> Henry Cattan, *Jerusalem*, h. 56.

<sup>5</sup> Selain mandat untuk mentadbir Palestin, British mempunyai satu tugas lain iaitu mewujudkan '*Jewish National Home*' di Palestin, seperti yang dipertanggungjawabkan oleh Liga Bangsa-bangsa (*League of Nations*). Lihat Michael Prior, *op.cit.*, h. 19.

hakikatnya meninggalkan Jerusalem sehari lebih awal iaitu pada 14 Mei, tanpa membuat sebarang serahan kuasa kepada mana-mana organisasi termasuk yang ditubuhkan oleh PBB.<sup>6</sup>

Dengan terhasilnya resolusi 181 (II), kerajaan British telah dinasihatkan untuk melepaskan Palestin.<sup>7</sup> Dalam satu perhimpunan agung PBB, iaitu pada 15 Mei 1947, satu jawatankuasa khas telah dibentuk untuk mengkaji dan mencari jalan penyelesaian bagi isu Palestin. Jawatankuasa ini dinamakan sebagai *United Nation Special Committee on Palestine* (UNSCOP) / "Jawatankuasa Khas PBB Untuk Palestin".<sup>8</sup> Jawatankuasa ini diminta untuk membuat laporan mengenai cadangan yang sesuai untuk menyelesaikan isu yang timbul. Cadangan itu akan dibentangkan di dalam perhimpunan agung PBB seterusnya pada bulan November 1947.<sup>9</sup>

### **CADANGAN MEWUJUDKAN ZON ANTARABANGSA**

Jawatankuasa UNSCOP ini, di dalam laporannya telah mengemukakan dua cadangan kepada PBB. Cadangan yang utama ialah mereka mencadangkan agar mandat yang diberi kepada British untuk mentadbir Palestin ini ditamatkan. Ia merangkumi cadangan membahagikan Palestin kepada dua bahagian, Negara Arab dan Negara Israel.<sup>10</sup> Mereka turut mencadangkan Bandar (*the city*) Jerusalem

---

<sup>6</sup> Lihat Henry Cattan, *Jerusalem*, h. 39. Pada dasarnya, PBB bersetuju untuk meletakkan pentadbiran Jerusalem dan Palestin selepas British kepada satu pasukan yang dianggotai oleh 5 negara, di mana Filipina adalah salah satu di antaranya.

<sup>7</sup> Ia terkandung di dalam resolusi tersebut yang mencadangkan agar British melepaskan mandat yang diberi kepada satu pasukan yang akan dibentuk oleh PBB.

<sup>8</sup> Lihat umpamanya Michael Dumper, "Demographic and Border Issues Affecting the Future of Jerusalem," dalam Ghada Karmi (ed.) (1996), *Jerusalem Today: What Future for the Peace Process?*. UK: Ittacha Press, h. 90.

<sup>9</sup> *Ibid*, h. 90-91; Henry Cattan, *The Palestine Question*, h. 33. Lihat juga Michael Prior, *op.cit.*, h. 24.

<sup>10</sup> Menurut Henry Cattan, rakyat Palestin secara tidak bijak memboikot UNSCOP yang diketahui tiada siapa boleh menghalang jawatankuasa ini untuk menyerahkan cadangan ke perhimpunan Agung PBB yang akan diadakan pada bulan September 1947. Lihat Henry Cattan, *Jerusalem*, h. 38.

diletakkan di bawah zon *corpus separatum*, ditadbir oleh pasukan khas antarabangsa yang dibentuk oleh PBB.<sup>11</sup> Pasukan khas ini dikenali sebagai Majlis Amanah PBB (*United Nation Trusteeship Council*).<sup>12</sup>

Cadangan yang kedua pula menyebut supaya mandat yang diberikan kepada British ditamatkan, dan menubuhkan sebuah kerajaan dan negara persekutuan yang akan merangkumi negara Arab dan negara Yahudi. Cadangan ini ditolak, dan ada antara ahli persidangan meminta supaya cadangan ini dirujuk ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) untuk menentukan statusnya. Namun cadangan merujuk kepada ICJ ini dibantah oleh perwakilan perhimpunan agung tersebut.<sup>13</sup>

Cadangan yang utama iaitu membahagikan Palestin kepada Negara Arab dan Negara Yahudi, serta mewujudkan *corpus separatum* telah diluluskan di dalam perhimpunan agung PBB pada 29 November 1947.<sup>14</sup> Justeru, secara tidak langsung, British perlu menamatkan mandat pentadbiran mereka ke atas Palestin.<sup>15</sup>

Kelulusan ini termaktub di dalam resolusi PBB 181 (II) di bawah bahagian Kerajaan Masa Depan Palestin (*Future government of Palestine*) mengenai pembahagian sempadan (*partition plan*). Dalam undian yang telah dijalankan, 33 perwakilan bersetuju mengenai plan tersebut, manakala British bersikap berkecuali.<sup>16</sup>

---

<sup>11</sup> Lihat Henry Cattan, *The Palestine Question*, hh. 33-34; Michael Prior, *op.cit.*, h. 24; lihat juga George J. Tomeh (1974), *Jerusalem at the United Nations*. Beirut: Palestine Research Center, h. 3-4.

<sup>12</sup> John Quigley, "Jerusalem in International Law," dalam Ghada Karmi (ed.) (1996), *Jerusalem Today: What Future for the Peace Process?*. UK: Ittacha Press, h. 28; Mahmoud Awad, *op.cit.*, h. 22-23.

<sup>13</sup> Idea untuk merujuk kepada ICJ ialah untuk mendapatkan status kedaulatan sesebuah negara. Apa yang jelas, negara Yahudi tidak pernah wujud sebelumnya di Palestin, manakala Palestin merupakan kawasan penempatan Arab Muslim. Berkenaan idea membawa permasalahan ini ke ICJ ini, sila rujuk Henry Cattan, *The Palestine Question*, h. 34.

<sup>14</sup> Henry Cattan, *The Palestine Question*, h. 36.

<sup>15</sup> British mula diberi mandat oleh PBB untuk mentadbir Palestin pada 24 Julai 1922. Ia diluluskan oleh Majlis Liga Negara-negara selaras dengan Artikel 22 Perjanjian Liga Negara-negara (*Covenant of the League of Nations*). Perjanjian itu antara lain menyebut akan memberi mandat dan kepercayaan kepada pasukan yang akan dilantik untuk mentadbir Palestin. Lihat Henry Cattan, *The Palestine Question*, h. 25.

<sup>16</sup> Henry Cattan, *The Palestine Question*, h. 36

Apa yang menarik, cadangan pembahagian sempadan telah mendapat bantahan masyarakat Yahudi. Mereka berasa janggal dengan konsep yang ingin diperkenalkan iaitu '*Jewish National Home*' atau Tanahair Bangsa Yahudi. Ia merujuk kepada usaha mendapatkan Palestin sebagai tanahair bagi bangsa Yahudi. Dalam hal ini, Ronald Storrs, gabenor pertama British di Jerusalem menyebut: '*the religious Jews of Jerusalem and Hebron were strongly opposed to political Zionism.*'<sup>17</sup>

Kenyataan Storrs ini menunjukkan bahawa masyarakat Yahudi yang beragama sebenarnya menentang usaha mewujudkan negara Yahudi, sepertimana yang diinginkan oleh pergerakan politik Zionis antarabangsa. Jelas bahawa usaha mendapatkan negara itu datangnya dari idea Zionis, bukannya Yahudi. Zionis merupakan sebuah gerakan yang merencana dengan hebat untuk kepentingan Yahudi. Tidak semua orang Yahudi memberi sokongan kepada Zionis. Namun begitu, majoriti bangsa Yahudi masih tetap memberi sokongan untuk mewujudkan sebuah negara bagi mereka.<sup>18</sup>

Walaupun sebahagian Yahudi menentang konsep negara ini, namun Amerika Syarikat dan Rusia telah memberikan sokongan kepada Zionis demi untuk merealisasikan wujudnya sebuah negara bagi bangsa Yahudi.<sup>19</sup> Tidak dapat dinafikan bahawa dua negara ini mempunyai penduduk berbangsa Yahudi dalam jumlah yang besar.

## **REAKSI RAKYAT PALESTIN DAN NEGARA-NEGARA ARAB**

Rakyat Palestin dan Negara-negara Arab menentang pembahagian atau pemisahan (*partition*) Palestin dan kewujudan Negara Israel. Mereka turut menentang proses menjadikan Jerusalem sebagai zon antarabangsa. Di sebalik penentangan negara-negara Arab, majoriti anggota PBB menerima kewujudan *corpus separatum* yang dibentangkan setelah merasai tekanan daripada Amerika Syarikat dan pakatan Zionis.<sup>20</sup>

<sup>17</sup> Versi internet boleh dilihat di <http://www.mideastweb.org/ga303.htm>, di akses pada 20 Mac 2003. Untuk mendapatkan versi yang sama lihat juga Ronald Storrs (1945), *Orientation*, London: Nicholson and Watson, h. 340. Penentangan juga datang daripada Sir Herbert Samuel, Pesuruhjaya Tinggi British yang Pertama di Jerusalem dan J.L Magnes, Presiden Universiti Hebrew, Jerusalem. Lihat Henry Cattan, *The Palestine Question*, h. 34.

<sup>18</sup> Henry Cattan, *The Palestine Question*, h. 34.

<sup>19</sup> *Ibid*, h. 35-36.

<sup>20</sup> *Ibid*, h. 37.

Antara negara Arab yang menentang resolusi ini ialah Mesir, Iraq, Lubnan, Arab Saudi, Syria dan Yaman. Manakala negara lain yang turut menentang ialah Afghanistan, Cuba, Greece, India, Iran, Pakistan dan Turki. Tidak ada sebuah pun negara Arab yang menyokong resolusi tersebut dan tidak ada negara Arab yang bersikap berkecuali.<sup>21</sup>

Sebenarnya kewujudan Negara Israel hampir mustahil untuk dinafikan berdasarkan Deklarasi Balfour (*Balfour Declaration*) pada 2 November 1917. Deklarasi tersebut menyebut secara jelas bahawa kerajaan British melihat perlu diwujudkan 'kampungan rasmi' Yahudi di Palestin. Sebahagian deklarasi itu berbunyi:

*"His Majesty's Government view that with favour the establishment in Palestine of a national home for the Jewish people, and will use their best endeavours to facilitate the achievement of this objective"*<sup>22</sup>

Manakala bagi masyarakat Islam, sudah tentu mereka menentang usaha ini kerana, bukan sahaja *Bayt al-Maqdis*, bahkan seluruh Palestin merupakan hak milik mutlak mereka. Keamanan di daerah itu wujud ketika pemimpin Islam memerintah. Huru-hara pernah timbul pada waktu perang salib dan selepas itu deritanya bertambah bermula dari kemasukan tentera British pada 9 Disember 1917 yang diketuai oleh Jeneral Allenby,<sup>23</sup> hanya kira-kira 5 minggu selepas Deklarasi Balfour dikeluarkan.

### **SEMPADAN *CORPUS SEPARATUM***

Resolusi 181 (II) bahagian III secara khusus membincangkan mengenai Bandar Jerusalem (*City of Jerusalem*)<sup>24</sup> yang mana bandar ini mengandungi Masjid al-Aqsa dan tempat suci bagi umat Islam. Perbincangannya merangkumi aspek persempadanan yang dicadangkan untuk dijadikan zon atarabangsa.

Resolusi ini mencadangkan agar Jerusalem diletakkan di bawah Badan Pemegang Amanah (*Trusteeship Council*) yang akan mengambil alih tanggungjawab sebagai pentadbir yang berautoriti di atas nama PBB.<sup>25</sup> Ini dinyatakan di dalam resolusi di atas yang menyatakan bahawa:

<sup>21</sup> Lihat <http://www.mfa.gov.il/mfa/go.asp?MFAH00ps0>, diakses pada 13 Mei 2003.

<sup>22</sup> Michael Prior, *op.cit.*, h. 14-15.

<sup>23</sup> Henry Cattan, *Jerusalem*, h. 29.

<sup>24</sup> Mahmoud Awad, *op.cit.*, h. 22-27.

<sup>25</sup> George J. Tomeh, *op.cit.*, h. 4-5.

*Corpus Separatum: Kajian Analitikal Resolusi PBB 1947 Untuk Bayt al-Maqdis*

*“The City of Jerusalem shall be established as a corpus separatum under a special international regime and shall be administered by the United Nations. The Trusteeship Council shall be designated to discharge the responsibilities of the Administering Authority on behalf of the United Nations”.*<sup>26</sup>

Manakala sempadan bagi *corpus separatum* ialah sepertimana cadangan sempadan oleh PBB untuk Bandar Jerusalem. Sempadan yang digariskan merangkumi Abu Dis di bahagian Timur, Bethlehem di Selatan, Ein Karim di sebelah Barat dan Shu’fat di bahagian Utara. Ini bermakna banyak kawasan penempatan, kampung dan pekan yang dimasukkan di dalam sempadan ini untuk tujuan zon bebas antarabangsa. Cadangan ini sebenarnya adalah lanjutan dari sempadan yang telah wujud, sepertimana termaktub di dalam resolusi tersebut: *“The City of Jerusalem shall include the present municipality of Jerusalem plus the surrounding villages and towns...”*<sup>27</sup>

## **PENTADBIRAN JERUSALEM MENGIKUT RESOLUSI PBB 181 (II)**

Berdasarkan resolusi PBB 181(II), suruhanjaya yang dilantik oleh PBB akan mengambil alih pentadbiran Palestin daripada kerajaan British. Lima buah Negara telah dilantik untuk menjadi suruhanjaya pentadbir bagi Palestin, iaitu Bolivia, Czechoslovakia, Denmark, Panama dan Filipina. Ini bermaksud, Jerusalem yang berada di dalam Palestin akan turut ditadbir oleh lima negara ini yang membentuk suruhanjaya yang dilantik oleh PBB. Resolusi ini menyatakan:

*“At its hundred and twenty-eighth plenary meeting on 29 November 1947 the General Assembly, in accordance with the terms of the above resolution [181 A], elected the following members of the United Nations Commission on Palestine: Bolivia, Czechoslovakia, Denmark, Panama and Philippines”.*<sup>28</sup>

Penulis melihat perlantikan lima negara ini untuk membentuk suruhanjaya pentadbir bagi Palestin merupakan satu keputusan PBB yang merugikan seluruh umat Islam. Tidak ada sebuah pun negara tersebut mewakili suara umat Islam,

---

<sup>26</sup> Untuk melihat versi internet Resolusi 181 (II) berkenaan *Future government of Palestine*, sila rujuk laman <http://www.mfa.gov.il/mfa/go.asp?MFAH00ps0>; <http://www.mideastweb.org/181.htm>, di akses pada 13 Mei 2003.

<sup>27</sup> Mahmoud Awad, *op.cit.*, h. 22.

<sup>28</sup> *Ibid*, h. 23.

bahkan mereka mempunyai jumlah penduduk beragama Kristian yang ramai. Keputusan melantik suruhanjaya ini juga bertujuan untuk meneruskan agenda muslihat Barat untuk menguasai kawasan strategik Timur Tengah ini.

### DESAKAN PBB KEPADA ISRAEL

Setelah penaklukan bahagian Barat Jerusalem (*West Jerusalem*) yang dilakukan oleh tentera Israel, PBB tidak berdiam begitu sahaja, malah mendesak Israel supaya keluar dari zon *corpus separatum* yang telah diluluskan pada 29 November 1947 itu. Proses meletakkan Jerusalem dan bandar bersejarahnya 'Bandar Lama' (*old city*) ke dalam zon antarabangsa tidak tercapai dengan sempurna. Ini disebabkan oleh keangkuhan Israel untuk keluar dari zon bebas yang resolusinya telah diluluskan dalam perhimpunan agung PBB sebelum itu.

Keengganan Israel untuk keluar dari Jerusalem besar kemungkinan disebabkan oleh ramainya golongan Yahudi yang telah mula memenuhi daerah itu. Ini berdasarkan kepada ucapan Ben Gurion (1886-1973) pada 7 Februari 1948 yang berkata: "*since Jerusalem' destruction in the days of Romans, it hasn't been so Jewish as it is now.*"<sup>29</sup> Gurion akhirnya menjadi Perdana Menteri Israel setelah regim Israel berjaya menawan *East Jerusalem* pada bulan Mei 1948.<sup>30</sup> Semenjak itulah Jerusalem yang tidak pernah terpisah di dalam catatan sejarah, mengalami perpecahan kawasan kepada dua bahagian iaitu barat dan timur (*east and west*) Jerusalem.

Walaupun Israel merupakan sebuah kuasa yang melakukan penjajahan berbentuk militer, namun atas sokongan Amerika Syarikat ia telah diterima sebagai

---

<sup>29</sup> John Quigley, *op.cit.*, h. 28; lihat juga Benny Moris (1987), *The Birth of the Palestinian Refugee Problem 1946-1949*. Cambridge: Cambridge Univ. Press, h. 50-52; Tom Segev (1950), *1949: The First Israelis*, New York: Schocken Books, h. 37.

<sup>30</sup> Ben Gurion bukanlah anak jati Israel tetapi berdarah Yahudi. Beliau dilahirkan di Plonsk, Poland pada tahun 1886. Mendapat pendidikan awal di sekolah Hebrew yang diasaskan oleh ayahnya. Pada zaman remajanya, beliau pernah mengetuai kumpulan Ezra iaitu kumpulan Pemuda Zionist yang menggunakan bahasa Hebrew apabila berhubung bersama-sama ahli kumpulan. Beliau tiba di Israel pada tahun 1906 dan mula menjawat beberapa jawatan penting dalam pertubuhan-pertubuhan di Israel. Menjadi Perdana Menteri Israel yang pertama pada tahun 1948. Bersara dari politik pada tahun 1970 dan meninggal dunia pada tahun 1973. Lihat [http://www.us-israel.org/jsource/biography/ben\\_gurion.html](http://www.us-israel.org/jsource/biography/ben_gurion.html).



anggota PBB. Amerika sejak dari awal telah memberikan sokongan secara langsung dan tidak langsung kepada bangsa Yahudi. Ini termasuklah sokongannya untuk Israel menubuhkan negara.<sup>31</sup>

### **KESAN CADANGAN *CORPUS SEPARATUM***

Cadangan zon antarabangsa ini, telah meninggalkan dua kesan yang cukup signifikan, pertama kesan secara langsung dan kedua kesan secara tidak langsung. Kesan secara langsung ialah membawa kepada kebangkitan rakyat Palestin untuk menentang Jawatankuasa Khas PBB, dan kelangsungan dari itu berlakunya pemboikotan ke atas UNSCOP oleh rakyat Palestin dan negara-negara Arab. Kesan tidak langsung pula ialah berlakunya diskriminasi terhadap hak-hak rakyat Palestin sama ada disedari mahupun tidak.

Jelas bahawa cadangan *corpus separatum* yang terkandung di dalam Resolusi 181 (II) yang diluluskan oleh perwakilan perhimpunan agung PBB telah memberikan kesan kepada penubuhan negara Israel.<sup>32</sup> Walaupun beberapa cadangan di dalam resolusi itu tidak terlaksana, tetapi golongan Yahudi telah mengambil kesempatan untuk mewujudkan entiti haram negara tersebut.

Desakan yang berterusan oleh PBB supaya Israel keluar dari *East Jerusalem* dan garisan sempadan *corpus separatum* tidak dihiraukan oleh mereka. Keangkuhan Israel mematuhi arahan PBB ini jelas menunjukkan bahawa mereka bersikap mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan kepentingan masyarakat umum. Michael Prior menyifatkan ia suatu usaha zionis untuk menguasai Jerusalem.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> Ini terbukti semasa perayaan Yom Kippur pada tahun 1946, Presiden Truman mengeluarkan kenyataan bahawa Amerika Syarikat menyokong penubuhan sebuah "viable Jewish state." Lihat *The United States and the Recognition of Israel: A Chronology*, <http://www.trumanlibrary.org/israel/palestin.htm>. Amerika juga telah memberi undi sokongan ke atas proposal UNSCOP untuk menubuhkan Negara Israel. Lihat Michael Dumper (1996), *The Politics of Jerusalem Since 1967*. New York: Columbia University Press, h. 233.

<sup>32</sup> Menurut Michael Prior, penubuhan Negara Israel pada tahun 1948 merupakan fasa ketiga proses Zionisme. Lihat Michael Prior, *op.cit.*, h. 26.

<sup>33</sup> *Ibid*, h. 25-26.

## KESIMPULAN

Penulis melihat bahawa cadangan mewujudkan zon antarabangsa bagi *Bayt al-Maqdis* tidak disukai oleh rakyat Palestin dan umat Islam. Menariknya ia turut tidak disukai oleh kaum Yahudi. Ia terbukti dengan penentangan yang berlaku sejak awal cadangan itu lagi. Kewujudan Israel itu tidak lebih kerana gerakan politik Zionis, bukanlah berdasarkan kehendak orang Yahudi. Bagi umat Islam, penentangan ini adalah bertitik tolak atas dasar dan fahaman bahawa *Bayt al-Maqdis* itu merupakan hak milik umat Islam yang tidak boleh dinafikan. Tanah itu dikatakan begitu signifikan kepada umat Islam atas banyak sebab, selain menjadi Qiblat pertama umat Islam, ia adalah tempat berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj, ia adalah tempat bersejarah yang menjadi tumpuan para nabi terdahulu, ia tempat yang amat digalakkan untuk diziarahi selain Mekah dan Madinah serta sebab-sebab lain yang tercatat di dalam al-Qur'an dan al-Hadith, juga sebagaimana yang telah dinyatakan oleh para ulama' dan cendekiawan Islam.<sup>34</sup>

Walaupun cadangan zon antarabangsa ini diluluskan oleh PBB di Perhimpunan Agungnya pada 29 November 1947, pelaksanaan ke arah merealisasikan cadangan itu nampaknya menemui jalan buntu. Namun begitu, masih terdapat resolusi-resolusi PBB seterusnya yang menekankan supaya Resolusi 181 (II) dilaksanakan.<sup>35</sup> Dalam masa yang sama, PBB dilihat turut meletakkan harapan agar sesuatu dapat dicapai melalui perbincangan (*negotiation*) dan proses damai (*peace process*) antara Israel dan Palestin. Keadaan menjadi rumit kerana wujudnya campurtangan Amerika dalam menentukan masa depan Palestin ini, walaupun ada

---

<sup>34</sup> Lihat Surah al-Isra' (17): 1, Surah al-Baqarah (2): 142-144, Surah al-Ma'idah (5): 20-21, lihat juga umpamanya Abū al-Ma'ālī al-Musharraf b. al-Muraj, *Faḍā'il Bayt al-Maqdis wa al-Khalīl wa Faḍā'il al-Shām*. Offer Livne-Kafri (ed.) (1995), Shfaram (Shafa 'Amr): al-Mashreq Ltd., h. 5-270; Muhammad bin 'Abd al-Wahid bin Ahmad al-Maqdisi (1405H), *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*. Syria: Dār al-Fikr, h. 39-97; 'Abd al-Fattah El-'Awaisi, "The Significance of Jerusalem in Islam: An Islamic Reference," *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, Vol. 1, no. 2, Summer 1998, h. 47-71; Ahmad Yūsuf Abū Ḥalabiyah, "Takhrīj Aḥādith Faḍā'il Bayt al-Maqdis wa al-Masjid al-Aqṣa," in *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, Vol 1 No 2, Summer 1998, h. 51-94; dan Sa'id b. 'Abd al-Raḥmān b. Mūsa al-Qazqī (2003), *Bayt al-Maqdis fi al-Hadīth al-Nabawī al-Sharīf*. Dubai: Markaz Jum'ah al-Majīd li al-Thaqāfah wa al-Turāth.

<sup>35</sup> Resolusi 187 (S-2) pada 6 Mei 1948, Resolusi 194 (III) pada 11 Disember 1948, dan Resolusi 303 (IV) pada 9 Disember 1949. Sila lihat Mahmoud Awad, *op.cit.*, h. 29, 30 dan 34; lihat juga George J. Tomeh, *op.cit.*, h. 55.

yang melihatnya sebagai suatu usaha 'orang tengah' untuk mencari perdamaian. Amerika sendiri menganggap bahawa campurtangan itu sebagai "... a moral obligation of the US."<sup>36</sup> Maka tidak hairanlah Amerika terus mengemukakan beberapa cadangan dan yang terbaru dikenali sebagai 'Road Map'<sup>37</sup> yang dilihat oleh rakyat Palestin masih tidak memberikan apa-apa kelebihan kepada mereka.<sup>38</sup>

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih luas mengenai *corpus separatum* dan juga proses damai di Timur Tengah, adalah dicadangkan agar para pengkaji dapat meneroka kembali sejarah plan pemisahan (*partition plan*) dengan lebih mendalam berdasarkan resolusi PBB 181 (II). Justeru, menjadi harapan penulis agar kajian serta analisis khusus mengennainya dapat dilakukan pada masa akan datang.

---


<sup>36</sup> Nadav Safran (1963), *The United States and Israel*. Cambridge and Massachusetts: Harvard University Press, h. 38.

<sup>37</sup> Cadangan penyelesaian konflik Palestin - Israel oleh Amerika yang dikenali sebagai *Road Map* telah dibentangkan oleh Presiden G.W. Bush, pada 30 April 2003. Cadangan ini ditentang oleh gerakan Islam di Palestin, Hamas dan Jihad Islami, seperti kata Urquhart dan dan McGrill "But Hamas and Islamic Jihad rejected the plan as a ploy to strip Palestinians of their land and said they would continue attacks on civilians and soldiers until Israel ends its occupation." Lihat Conal Urquhart dan Chris McGrill, *US releases 'road map' amid underlying tensions*, dalam akhbar The Guardian, UK 1 Mei 2003, <http://www.guardian.co.uk/israel/Story/0,2763,947107,00.html>, di akses pada 13 Mei 2003.

<sup>38</sup> Untuk melihat komentar ini, sila rujuk Brian Whitaker, *Road to nowhere*, dalam akhbar The Guardian, UK 6 Mei 2003, <http://www.guardian.co.uk/israel/Story/0,2763,950249,00.html>, di akses pada 13 Mei 2003.

## Lampiran

### Cadangan *Corpus Separatum* 1947



Pada 29 Nov 1947, sebagai sebahagian dari Resolusi ke atas Palestin [Resolusi 181(II)], Perhimpunan Agung PBB meluluskan cadangan "Bandar Jerusalem hendaklah diwujudkan sebagai *corpus separatum* di bawah badan khusus yang ditadbir oleh PBB". Di bawah rancangan ini, satu referendum dan pungutan suara dibuat setelah 10 tahun untuk mendapatkan pandangan penduduk Jerusalem sama ada badan antarabangsa yang mentadbir itu perlu diteruskan ataupun tidak.

**Sumber:** [www.passia.org](http://www.passia.org), diakses 13 Mei 2003.

## **Bibliografi**

- Abū Ḥalabiyyah, Aḥmad Yūsuf, "Takhriḡ Aḥādith Faḍā'il Bayt al-Maqdis wa al-Masjid al-Aqṣa," in *Journal of Islamic Jerusalem Studies*. Vol 1 No 2, Summer 1998.
- al-Maqdisī, Muḥammad bin 'Abd al-Wāḥid bin Aḥmad (1405H), *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*. Syria: Dār al-Fikr.
- al-Muraj, Abū al-Ma'ālī al-Musharraf, *Faḍā'il Bayt al-Maqdis wa al-Khalīl wa Faḍā'il al-Shām*. Offer Livne-Kafri (ed.) (1995), Shfaram (Shaf 'Amr): al-Mashreq Ltd.
- al-Qazqī, Sa'īd b. 'Abd al-Raḥmān b. Mūsa (2003), *Bayt al-Maqdis fi al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf*. Dubai: Markaz Jum'ah al-Majīd li al-Thaqāfah wa al-Turāth.
- Awad, Mahmoud (1995), *Jerusalem in the United Nations Resolutions 1947-1995*. Amman: The Royal Committee for Jerusalem Affairs.
- Cattan, Henry (2000), *Jerusalem*. London: Saqi Book.
- Cattan, Henry (2000), *The Palestine Question*. London: Saqi Books.
- Dumper, Michael, Demographic and Border Issues Affecting the Future of Jerusalem, dalam Ghada Karmi (ed.) (1996), *Jerusalem Today: What Future for the Peace Process?*. UK: Ittacha Press.
- Dumper, Michael (1996), *The Politics of Jerusalem Since 1967*. New York: Columbia University Press.
- El-'Awaisi, 'Abd al-Fattah, The Significance of Jerusalem in Islam: An Islamic Reference, *Journal of Islamic Jerusalem Studies*. Vol. 1, no. 2, Summer 1998.
- Hudson, Michael C., The Transformation of Jerusalem 1917-1987 AD dalam K.J. Asali (ed.) (1990), *Jerusalem in History*. UK: Olive Branch Press.
- Moris, Benny (1987), *The Birth of the Palestinian Refugee Problem 1946-1949*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Prior, Michael (1999), *Zionism and the State of Israel*. London: Routledge.
- Quigley, John, "Jerusalem in International Law," dalam Ghada Karmi (ed.) (1996), *Jerusalem Today: What Future for the Peace Process?*. UK: Ittacha Press.
- Safran, Nadav (1963), *The United States and Israel*. Cambridge and Massachusetts: Harvard University Press.
- Segev, Tom (1950), *1949: The First Israelis*. New York: Schoken Books.

Storrs, Ronald (1945), *Orientation*. London: Nicholson and Watson.

Tomeh, George J. (1970), *Jerusalem at the United Nations*. Beirut: Palestine Research Center.